

25 JAN 2003

NAM-MAJLIS/I

PERLU ADA MAJLIS PERNIAGAAN DALAM NAM

Oleh: Mohd Arshi Daud

KUALA LUMPUR, 25 Jan (Bernama) -- Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), yang kini memberi tumpuan kepada isu-isu politik dan keselamatan, seharusnya mempunyai forum ekonomi yang selaras dalam bentuk majlis perniagaan bagi menyemarakkan hubungan perniagaan dan memupuk kerjasama sektor swasta di kalangan 114 buah negara anggotanya.

Lebih penting lagi, negara-negara NAM boleh menjadi satu barisan yang bersatu dalam perkara-perkara berhubung ekonomi di peringkat dunia.

Ini memandangkan layanan tidak adil yang diberikan oleh negara-negara maju kepada mereka dalam rundingan-rundingan perdagangan dan pelaburan di peringkat global.

Walaupun terdapat banyak potensi untuk mempertingkatkan lagi hubungan komersial kerana keanggotaan NAM terdiri daripada dua pertiga daripada keanggotaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, namun adalah malang bahawa kerjasama demikian amat lemah. Ini bererti bahawa masyarakat perniagaan dalam NAM tidak begitu menyedari peluang-peluang yang ada untuk mereka rebut.

Baru-baru ini, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, bercakap tentang perlunya diadakan majlis perniagaan dalam NAM.

Menyokong cadangan itu, Penasihat Korporat Sunway Group, Tan Sri Ramon Navaratnam, berkata bahawa majlis perniagaan demikian boleh memupuk kerjasama Selatan-Selatan yang lebih bermakna.

Selama ini, NAM lebih dianggap sebagai sebuah pergerakan politik, malah ada yang berkata bahawa ia kurang keupayaan untuk merangsang pencapaian ekonomi di kalangan negara-negara anggotanya, ataupun berminat ke arah sosio politik.

Walaupun NAM ditubuhkan sebagai sebuah gabungan dalam menghadapi perang dingin antara Amerika Syarikat dan dahulunya Soviet Union, beliau menegaskan bahawa ia boleh mengadakan agenda ekonomi.

Peranan ini mungkin boleh menjadi lebih meluas dengan kedudukan Malaysia sekarang yang telah bersedia untuk menjadi pengerusi NAM bagi tiga tahun akan datang dengan bermulanya Sidang Kemuncak ke-13 pergerakan itu di Kuala Lumpur dari 20 hingga 25 Februari, 2003, katanya.

Selain majlis perniagaan, Navaratnam juga mencadangkan supaya diwujudkan laman web untuk memaparkan kerjasama perniagaan yang mungkin boleh diterokai oleh sektor swasta di negara-negara NAM.

Laman web itu, katanya, harus dikelolakan oleh sebuah sekretariat NAM yang bukan sahaja mengendalikan kegiatan pertubuhan itu, malah juga menjalankan penyelidikan, promosi dan penyelarasan dasar-dasar NAM.

Pada masa ini, NAM beroperasi tanpa sekretariat tetap tetapi kegiatan-kegiatan diselaraskan dari New York oleh duta negara-negara anggota NAM atau wakil tetap masing-masing ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Navaratnam memberitahu Bernama bahawa sekretariat itu haruslah menjadikan Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) sebagai penanda aras, mendapatkan khidmat "orang-orang yang paling pintar" dari Selatan dan pakar-pakar dari Utara agar ia mempunyai keupayaan terbaik untuk menjalankan penyelidikan.

NAM, yang pada asasnya merupakan pertubuhan negara-negara membangun dari Selatan, memerlukan pasukan penyelidikan yang kuat untuk berhujah bagi menentang layanan tidak adil yang diberikan kepada negara-negara NAM oleh

Barat dalam rundingan-rundingan perdagangan dan pelaburan.

Contohnya, kata Navaratnam, dalam rundingan-rundingan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), negara-negara membangun seringkali diberikan layanan yang tidak adil, dan beliau mendakwa bahawa pertubuhan perdagangan dunia itu "dirangka oleh Barat untuk kepentingan Barat."

"Negara-negara NAM boleh menghujah bahawa jika Barat tidak memastikan adanya peraturan perdagangan dan pelaburan yang adil, maka eksplotasi terhadap negara-negara Selatan dari segi ekonomi akan mendorong kepada meningkatnya tindakan-tindakan ganas oleh mereka yang mundur dari segi ekonomi.

"Ini adalah kerana kemiskinan (disebabkan oleh jurang ekonomi) akan mewujudkan persekitaran yang sesuai bagi teretusnya kebencian dan kekecewaan yang semakin meluap, dan akhirnya berlakulah keganasan," tegasnya.

Tetapi, agar tindakan bersama dapat diambil bagi melindungi kepentingannya, langkah pertama yang boleh diambil oleh NAM ialah memupuk semangat bersatu padu di negara-negara anggotanya, kata Navaratnam.

Ini, diiringi dengan komitmen untuk mempertingkatkan perdagangan dengan sesama negara NAM dan keazaman untuk mengurangkan kebergantungan kepada perdagangan dengan negara-negara Barat, akan membantu menjadikan pergerakan itu sebagai jentera pertumbuhan ekonomi bagi negara-negara anggotanya.

Beliau juga berkata bahawa konsep dialog perkongsian pintar antarabangsa yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menggalakkan keputusan sama menang di kalangan ekonomi-ekonomi di dunia, haruslah diamalkan oleh NAM.

Kuala Lumpur boleh memperluaskan lagi konsep ini selanjutnya dengan menggalakkan negara-negara anggota NAM yang kurang maju untuk datang ke mari dan mempelajari peranan sektor swasta dalam pembangunan ekonomi, khususnya dalam konteks Persyarikatan Malaysia dan penswastaan. -- BERNAMA

MAD MR SHY KY ZK